# KOMPILASI SOALAN DAN SKEMA
# PEPERIKSAAN PERCUBAAN NEGERI-NEGERI 2023
# PENDIDIKAN ISLAM

## SOALAN 2
## BAHAGIAN AQIDAH

NEGERI SEMBILAN
PULAU PINANG
TERENGGANU
PUTRAJAYA
KELANTAN
SELANGOR
SARAWAK
PAHANG
MELAKA
PERLIS
SABAH
KEDAH
PERAK
JOHOR
SBP

DISUSUN OLEH
USTAZAH ROHANA BINTI SULONG
ZulHana7096@UstazahRohana
SEK. MEN. KEB. BUKIT DIMAN
HULU TERENGGANU, TERENGGANU

| NO | SOALAN DAN SKEMA | NEGERI |
|---|---|---|
| | **NAMA ALLAH AR RAQIB** | |
| | Al-Raqib merupakan satu daripada nama Allah SWT yang indah | |
| 1 | Apakah maksud al-Raqib? (**2 markah)**<br><br>**Maksud Al Raqib :**<br>- Nama Allah SWT yang menunjukkan bahawa Allah SWT Maha Mengawasi / semua perbuatan dan keadaan makhluk | Perak<br>Melaka<br>Pahang<br>Terengganu<br>Kelantan<br>Perlis<br>SBP<br>Sarawak<br>N9<br>Pulau Pinang<br>Putrajaya 1 |
| 2 | Jelaskan **dua** bukti/kefahaman Allah SWT bersifat al-Raqib. (**4 markah)**<br><br>**Dua bukti Allah bersifat Ar Raqib**<br>- Allah SWT Maha Mengawasi manusia dalam aspek kepatuhan kepada perintah dan laranganNya.<br>- Allah SWT Maha Mengawasi manusia dalam aspek hubungan sesama manusia | Perak<br>Melaka<br>Pahang<br>Terengganu<br>Kelantan<br>Perlis<br>SBP<br>Sarawak<br>N9<br>Pulau Pinang<br>Purtajaya 1 |
| 3 | Terangkan **dua** tindakan yang akan dilakukan oleh orang yang beriman dengan nama Allah SWT al-Raqib. [***4 markah]***<br><br>***Dua tindakan yang akan dilakukan oleh orang yang beriman dengan Allah SWT al-Raqib :***<br>- Menjadikan seorang hamba sentiasa berwaspada dalam semua keadaan zahir dan batin.<br>- Berusaha melakukan perintah Allah SWT dan meninggalkan laranganNya kerana merasakan Allah SWT sentiasa mengawasinya | Melaka |
| | **NAMA ALLAH AL MUNTAQIM** | |
| 1 | Nyatakan maksud nama Allah Al Muntaqim ***(2 markah)***<br><br>***Maksud al-Muntaqim :***<br>- Nama Allah SWT yang menunjukkan bahawa Allah SWT Maha Pembalas (1m) dengan menimpakan azab terhadap orang yang melampaui batas (1m). | Johor<br>Kedah<br>Putrajaya 2<br>Selangor 2 |
| 2 | Jelaskan **dua** kefahaman berkaitan nama Allah SWT al-Muntaqim. ***[4 markah]***<br><br>***Dua kefahaman berkaitan nama Allah al-Muntaqim:***<br>- Allah SWT memberikan pembalasan dengan siksaan neraka terhadap orang yang menolak peringatan al-Quran.<br>- Allah SWT menimpakan azab dalam peristiwa ad-Dukhan iaitu kaum Quraish ditimpakan dengan kemarau panjang sehingga debu seperti asap menutupi mereka kerana mereka menolak dakwah Rasulullah SAW.<br>- Allah SWT memberikan pembalasan azab terhadap golongan yang menentang agamaNya setelah diutuskan Rasul dan diberi keterangan yang jelas. | Putrajaya 2<br>Selangor 2 |

| NO | SOALAN DAN SKEMA | NEGERI |
|---|---|---|
| 3 | Terangkan dua balasan Allah SWT terhadap orang yang melakukan kezaliman. ***(4 markah)***<br><br>***Dua balasan Allah SWT terhadap orang yang melakukan kezaliman** :*<br>- Pembalasan dengan seksaan api neraka (1m) terhadap orang yang menolak peringatan Al-Quran.(1m)<br>- Allah SWT memberikan pembalasan terhadap golongan yang menentang agamanya (1m) setelah diutuskan rasul dan diberikan keterangan yang jelas.(1m)<br>- Allah SWT menimpakan azab dalam peristiwa Ad-Dukhan (1m) iaitu kaum Quraisy ditimpakan dengan kemarau panjang sehingga debu seperti asap menutupi mereka (1m) kerana menolak dakwah Rasulullah SAW.(1m) | Johor |
| 4 | Jelaskan dua cara anda menanam rasa takut terhadap Allah SWT yang bersifat al Muntaqim<br>***(4 markah)***<br>***Dua cara menanam rasa takut terhadap Allah SWT yang bersifat al Muntaqim***<br>- Saya akan memikirkan keagungan Allah SWT yang bersifat al-Muntaqim.<br>- Saya akan mengambil iktibar daripada kisah umat terdahulu yang ditimpakan azab.<br>- Saya akan mendalami ilmu agama yang sebenar berpandukan al- Quran dan hadis.<br>- Saya akan bergaul dengan orang yang soleh / alim ulama / orang yang berilmu.<br><br>***Catatan: Jawapan munasabah diterima.*** | Kedah |
| | **PERKARA MEMBATALKAN IMAN** | |
| 1 | Nyatakan **dua** iktikad yang boleh membatalkan iman selain al-Nubuwwat. ***[2 markah]***<br><br>***Dua iktikad yang boleh membatalkan iman selain al-Nubuwwat :***<br>- Al-Uluhiyyah / Ketuhanan<br>- Al-Ghaibiyyat / Ghaib<br>- Al-Syariat | Putrajaya 1 |
| 2 | Jelaskan **dua** contoh perkara yang membatalkan iman dari aspek al-Nubuwwat. ***[2 markah]***<br><br>***Dua contoh perkara yang membatalkan iman dari aspek al-Nubuwwat :***<br>- Mengingkari kenabian dan kerasulan salah seorang atau semua nabi dan rasul.<br>- Mengingkari kerasulan nabi Muhammad SAW sebagai rasul dan nabi yang terakhir. | Putrajaya 1 |
| 3 | Nyatakan **dua** contoh iktikad yang membatalkan iman dari sudut Ghaibiyyat. ***( 2 markah)***<br><br>***Dua contoh iktikad yang membatalkan iman dari sudut Ghaibiyyat*** **:**<br>- Mengingkari hari kiamat atau peristiwa yang berlaku di<br>- Mahsyar dan pembalasan syurga dan neraka.<br>- Mengingkari kewujudan alam barzakh atau azab kubur.<br>- -Mengingkari kewujudan malaikat dan jin. | Kelantan |
| 4 | Jelaskan **dua** syarat terbatal iman. ***(4 markah)***<br><br>***Dua syarat terbatal iman :***<br>- Mengetahui perkara yang dilakukan membawa diri kepada kufur.<br>- Mengingkari perkara asas dalam Islam seperti perkara yang berkaitan dengan rukun iman dan rukun Islam.<br>- Melakukan perkara yang jelas membawa diri kepada kufur.<br>- Melakukan sesuatu perkara dengan sengaja dan pilihan sendiri tanpa sebarang paksaan. | Kelantan |

| NO | SOALAN DAN SKEMA | NEGERI |
|---|---|---|
| 5 | Terangkan **dua** kesan melakukan perkara yang membatalkan iman.<br>***(4 markah)***<br>**Dua kesan melakukan perkara yang membatalkan iman :**<br>- Rosak segala amalan soleh **(1m)** kerana melakukan perkara yang bertentangan dengan akidah Islam(1m).<br>- Dosa tidak diampunkan **(1m)** sekiranya tidak bertaubat kepada Allah **(1m)**.<br>- Diharamkan memasuki syurga **(1m)** kerana melanggar perintah Allah **(1m)**.<br>- Hilang hak terhadap harta pusaka **(1m)** yang ditinggalkan oleh keluarga muslim **(1m)**. | Kelantan<br>Putrajaya 1 |
| | **AJARAN SESAT** | |
| | Umat Islam hendaklah berusaha mengelakkan diri daripada terlibat dengan ajaran sesat. | |
| 1 | Jelaskan takrif ajaran sesat. **2 markah**<br><br>**Takrif Ajaran Sesat**<br>- Ajaran yang didakwa sebagai ajaran Islam / sedangkan hakikatnya bercanggah dengan al-Quran dan al-Sunnah | Perak<br>Melaka<br>Perlis<br>Sabah<br>SBP<br>Sarawak<br>N9<br>Pulau Pinang<br>Selangor |
| 2 | Jelaskan **dua** ciri ajaran sesat**. 2 markah**<br><br>***Dua ciri ajaran sesat***<br>- Memahami dan mentafsir al-Quran dengan logik akal semata-mata.<br>- Meyakini bahawa terdapat al-Quran lain yang tersembunyi.<br>- Hanya berpegang dengan al-Quran dan menolak hadis.<br>- Mengaku menjadi nabi atau rasul.<br>- Mendakwa diri atau gurunya sebagai Imam Mahdi.<br>- Mendakwa gurunya dapat menebus dosa.<br>- Memuja makhluk untuk mendapat sesuatu kelebihan<br>- Mempercayai semua agama benar dan menuju ke syurga.<br>- Menolak alam ghaib seperti ruh, malaikat dan jin<br>- Menolak kewajipan ibadat fardu<br>- Beribadat dengan hanya berzikir bagi menggantikan solat<br>- Menunaikan ibadat haji di tempat yang dianggap suci selain Makkah al-Mukarramah<br>- Menghalalkan perzinaan atas nama nikah<br>- Mengejek, merendah-rendahkan dan mempersendakan sahabat Nabi SAW<br>- Bersikap taksub dengan ajaran guru sehingga menganggap hanya kumpulannya yang benar<br>- Memperkecil amalan masyarakat berdasarkan sunnah Rasulullah SAW | Perak |
| 4 | Jelaskan **dua** ciri ajaran sesat dari aspek akidah. ***[4 markah]***<br><br>***Dua ciri ajaran sesat dari aspek akidah*** :<br>- Mengaku menjadi nabi atau rasul<br>- Mendakwa diri atau gurunya sebagai imam al-Mahdi<br>- Mendakwa gurunya dapat menebus dosa<br>- Memuja makhluk untuk mendapat sesuatu kelebihan<br>- Mempercayai semua agama benar dan menuju ke syurga<br>- Menolak alam ghaib seperti roh, malaikat dan jin | Melaka<br>Pahang<br>Perlis<br>Sarawak |

| NO | SOALAN DAN SKEMA | NEGERI |
|---|---|---|
| 5 | Jelaskan dua ciri ajaran sesat dari aspek al Quran dan hadis.<br>***(2 markah)***<br><br>***Dua ciri ajaran sesat dari aspek al Quran dan hadis***<br>- Memahami / mentafsir al Quran dengan logok akal semata-mata tanpa mengikut disiplin ilmu yang betul<br>- Meyakini bahawa terdapat al Quran yang lain yang tersembunyi<br>- Hanya berpegang dengan al Quran<br>- Menolak hadis sebagai sumber hukum Islam | Terengganu<br>Puau Pinang |
| 6 | Jelaskan dua ciri kesesatan dari aspek ibadat ***( 2 markah)***<br><br>***Dua ciri kesesatan dari aspek ibadat***<br>- Menolak kewajipan ibadat fardhu<br>- Beribadah dengan hanya berzikir bagi menggantikan solat<br>- Menunaikan ibadat haji di tempat yang dianggap suci selain Meekah<br>- Menghalalkan perzinaan atas nama nikah | N9<br>Selangor |
| 7 | Jelaskan ciri ajaran sesat dari aspek akhlak ***(2 markah)***<br><br>***Ciri ajaran sesat dari aspek akhlak***<br>- Mengejek dan merendah-rendahkan dan mempersendakan sabahat Nabi SAW<br>- Bersikap taksub dengan ajaran guru sehingga menganggap kumpulannya sahaja yang benar<br>- Memperkecilkan amalan masyarakat sunnah rasulullah sebaliknya berbangga dengan amalam bertentangan dengan syariat Islam | Pulau Pinang |
| 8 | Terangkan dua cara menjauhi ajaran sesat ***(4 markah)***<br>**Dua cara menjauhi ajaran sesat:**<br>- Mempelajari akidah yang benar(1m) berdasarkan manhaj Ahli Sunnah Waljamaah (1m).<br>- Menghindarkan diri daripada bergaul dengan orang yang dicurigai(1m) dalam ilmu dan amalannya(1m).<br>- Memastikan amalan yang dilakukan benar-benar mengikut paduan (1m) berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah(1m).<br>- Mencari maklumat daripada sumber yang soheh(1m) supaya tidak terpengaruh dengan ajaran sesat(1m).<br>- Berdoa memohon petunjuk(1m) agar sentiasa berada di jalan yang benar(1m).<br>- Bertaubat kepada Allah SWT atas ketelanjuran(1m) kerana mengikuti dan beramal dengan ajaran sesat(1m).<br>***Catatan:***<br>***Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima*** | Pahang<br>Perlis<br>SBP<br>Sarawak<br>N9 |
| 9 | Terangkan kesan kepada seseorang yang terlibat dengan ajaran sesat dari aspek ekonomi.<br>***(2 markah)***<br>***Kesan kepada seseorang yang terlibat dengan ajaran sesat dari aspek ekonomi***<br>- Melahirkan individu yang pasif dan malas (1m) kerana berfikiran jumud dan tertutup. (1m)<br>- Membelanjakan wang pada perkara yang tidak berfaedah (1m) kerana menghabiskan duit pada upacara dan amalan yang bertentangan dengan Islam (1m) | Perak |

| NO | SOALAN DAN SKEMA | NEGERI |
|---|---|---|
| 10 | Jelaskan **dua** kesan melakukan ajaran sesat dari aspek agama. ***[4 markah]***<br><br>***Dua kesan melakukan ajaran sesat dari aspek agama ialah :***<br>- Melemahkan iman dan merosakkan akidah.<br>- Menjatuhkan imej umat Islam. | Sabah |
| 11 | Terangkan dua kesan melakukan ajaran sesat. ***(4 markah)***<br><br>***Dua kesan melakukan ajaran sesat***<br>- Melemahkan iman dan merosakan akidah (1m)/ akibat perbuatan yang melampau dan menyesatkan (1m)<br>- Menjatuhkan imej umat Islam (1m)/ kerana terpesong akidah.(1m)<br>- Melahirkan individu yang fasik dan malas (1m)/ kerana terpengaruh dengan ajaran sesat (1m)<br>- Membelanjakan wang pada perkara yang tidak berfaedah (1m)/ daripada dibelanjakan pada perkara yang bermanfaat(1m)<br>- Menggugat kestabilam politik akibat tindakan keganasan (1m) seperti demonstrasi dan tunjukm perasaan(1m)<br>- Mewujudkan suasana politik yang tidak harmoni (1m)/kerana taksub kepada pimpinan kumpulan (1m)<br>- Membentuk individu masyarakat yang agresif (1m) seperti suka mengamuk dan tidak sabar(1m)<br>- Memutuskan hubungan silaturrahim dan persaudaraan Islam (1m) kerana taksub dengan ajaran sesat | Terengganu<br>SBP<br>Sarawak<br>N9 |
| 12 | Senaraikan dua contoh ajaran sesat di Malaysia. ***(2 markah)***<br><br>***Dua contoh ajaran sesat di malaysia***<br>- Ajaran Syiah<br>- Ajaran Ayah Pin / Kerajaan Langit<br>- Ajaran Taslim/ Hj Ahmad<br>- Ajaran bahai<br>- Ajaran Hasan Anak Rimau<br>- Ajaran Al Arqam | Terengganu |
| 13 | Nyatakan maksud liberalisme agama ***(2 markah)***<br><br>***Maksud Liberalisme agama***<br>- Aliran pemikiran yang menyeru kepada kebebasan dan keterbukaan (1m)/ dalam mentafsir agama(1m) | Terengganu |
| | **AHLI SUNNAH WAL JAMAAH** | |
| | Pemahaman yang bercanggah dengan akidah ahli Sunnah Wal Jamaah menyebabkan munculnya fahaman yang menyeleweng daripada akidah yang sebenar | |
| 1 | Nyatakan Takrif Ahli Sunnah wal jamaah. **(2 markah)**<br><br>***Takrif Ahli Sunnah Wal Jamaah ialah***<br>- kumpulan majoriti umat Islam yang memahami dan berpegang pada al-Quran dan al-Sunnah/1m menerusi para sahabat dan tabi'in serta tabi' tabi'in / dalam prinsip akidah, syariat dan akhlak./1m<br><br>***Catatan:***<br>***- Keratan pertama wajib ada, diikuti salah satu keratan yang lain.*** | Kedah |

| NO | SOALAN DAN SKEMA | NEGERI |
|---|---|---|
| 2 | Senaraikan dua nama lain bagi golongan ahli sunnah wal jamaah (***2 markah)***<br><br>***Dua nama lain bagi golongan Ahli Sunnah Wal Jamaah ialah:***<br>- Ahlu al-Hadis.<br>- Al-Salaf al-Soleh.<br>- Al-Asya'irah.<br>- Al-Maturidiah.<br>- Al-Sawad al-A'zam. | Kedah |
| 3 | Terangkan pandangan ahlu sunnah wal Jamaah mengenai kedudukan iman ***(2 markah***)<br><br>***Pandangan Ahli Sunnah Wal Jamaah mengenai kedudukan iman ialah:***<br>- Ahli Sunnah Wal Jamaah mempercayai bahawa iman seseorang boleh bertambah dan berkurang/1m bergantung pada amal soleh dan maksiat yang dilakukannya./1m | Kedah |
| 4 | Senaraikan **dua** aliran yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah selain aliran syiah. ***(2 markah)***<br><br>***Dua aliran yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah ialah selain syiah :***<br>- Khawarij<br>- Muktazilah | Sabah |
| 5 | Jelaskan secarah ringkas kemunculan golongan Syiah ***(2 markah)***<br><br>***Sejarah ringkas kemunculan golongan Syiah :***<br>- Kumpulan yang menuntut supaya Sayidina Ali bin Abi Talib r.a dilantik sebagai khalifah selepas Rasulullah SAW (1m) dan berkeyakinan bahawa hanya Ahlul Bait sahaja yang lebih layak memegang jawatan khalifah.(1m) | Johor<br>Sabah<br>Pulau Pinang<br>Selangor 2 |
| 6 | Jelaskan prinsip utama aliran Syiah yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Wal jamaah ***(2 markah)***<br>***Prinsip utama aliran Syiah yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah***<br>- Menyakini bahawa imam-imam mereka adalah maksum, iaitu terpelihara daripada dosa kecil dan dosa besar.<br>- Beriktikad bahawa jawatan imam telah ditentukan oleh Allah SWT.<br>- Menambah nama Sayidina Ali dalam syahadah selepas nama Nabi Muhammad SAW.<br>- Menolak hadis yang diriwayatkan oleh Ahli Sunnah Wal Jamaah.<br>- Menolak ijmak dan qias sebagai sumber rujukan.<br>- Mengamalkan taqiah, iaitu menzahirkan sesuatu yang berbeza dengan pegangan sebenar | Johor<br>Sabah<br>Pulau Pinang<br>Selangor 2 |
| 7 | Nyatakan sejarah kemunculan Khawarij. ***[2 markah]***<br><br>***Sejarah ringkas kemunculan Khawarij:***<br>- Kumpulan pengikut Saidina Ali bin Abu Talib r.a yang berpaling tadah (1m) kerana tidak berpuas hati dengan keputusan Majlis Tahkim (1m). | Putrajaya 2<br>Selangor |
| 8 | Jelaskan **dua** prinsip Khawarij***. [4 markah]***<br><br>***Dua prinsip Khawarij:***<br>- Jawatan khalifah/ imam hendaklah diserahkan pemilihannya kepada rakyat untuk memilih sesiapa sahaja daripada kaum muslimin yang layak.<br>- Mereka menyatakan bahawa Saidina Ali bin Abu Talib r.a telah melakukan dosa besar serta kufur kerana bersetuju mengadakan Majlis Tahkim.<br>- Wajib keluar menentang pemimpin atau khalifah yang tidak adil.<br>- Beriktikad bahawa orang yang melakukan maksiat dikira berdosa besar dan kafir. | Putrajaya 2<br>Selangor |

<table>
<tr><th>NO</th><th>SOALAN DAN SKEMA</th><th>NEGERI</th></tr>
<tr><td>9</td><td>Terangkan perbezaan pandangan antara ahli Sunnah Wal jamaah dengan aliran khawarij tentang isu di bawah<br>a) Pelaku dosa besar (Selangor)<br>b) Kedudukan iman<br><br>Perbezaan pandangan antara Ahli Sunnah Wal Jamaah dan khawarij berkaitan dengan isu pelaku dosa besar dan isu kedudukan iman<br><br>
<table>
<tr><td>ASPEK</td><td>AHLI SUNNAH WAL JAMAAH</td><td>KHAWARIJ</td></tr>
<tr><td>ISU PELAKU DOSA BESAR</td><td>Pelaku dosa besar masih dikira mukmin, bukan kafir. Namun dihukum fasik jika tidak bertaubat.</td><td>Pelaku dosa besar dianggap dosa besar dan kafir.</td></tr>
<tr><td>KEDUDUKAN IMAN</td><td>Meyakini bahawa iman boleh bertambah dan berkurang</td><td>Iman tidak boleh bertambah dan berkurang, sebaliknya iman ada apabila</td></tr>
</table>
</td><td>Johor<br>Putrajaya 2<br>Selangor</td></tr>
<tr><td>10</td><td>Jelaskan cara untuk menangani ajaran Syiah daripada berleluasa<br>(2 markah)<br><br>Cara untuk menangani ajaran Syiah daripada berleluasa :<br>- Penguatkuasaan undang-undang daripada pihak berkuasa<br>- Menyebarkan ajaran Islam sebenar kepada umat Islam<br>- Melangkapkan diri dgn kefahaman Islam pada semua peringkat umur<br>- Program pemulihan akidah kepada mereka yang menyimpang daripada ajaran Islam</td><td>Johor</td></tr>
<tr><td>11</td><td>Jelaskan dua kepentingan berpegang dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.<br>[4 markah)<br><br>Dua kepentingan berpegang dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah ialah :<br>- Mendapat keredhaan daripada Allah SWT<br>- Menjadi asas penerimaan sesuatu amalan<br>- Memelihara kesucian agama Islam<br>- Menjamin keamanan untuk negara<br>- Mengelak umat Islam daripada terjebak dengan ajaran sesat<br>- Membersihkan akidah daripada sebarang bentuk kekeliruan<br>- Menghindarkan umat Islam daridapa fahaman yang melampau</td><td>Sabah<br>Selangor 2</td></tr>
</table>